

## **KOPERASI AMAN BERHAD**

### **Sinopsis**

Kajian kes ini adalah kajian kes ilustrasi di mana keseluruhan kes berkisar kepada prosedur, proses dan aturan yang telah dilalui oleh koperasi ini ketika memulakan perniagaan stesen minyak. Pada awal kes ini latarbelakang koperasi ada diceritakan secara serba ringkas. Selama hampir 50 tahun penubuhannya, koperasi ini telah semakin berkembang dan telah mendapat beberapa pengiktirafan sehingga boleh dijadikan contoh atau model oleh koperasi-koperasi yang lain.

Sehingga kini, aktiviti utama koperasi adalah memberi pembiayaan wang, stesen minyak, kedai tayar, penyewaan rumah kedai, jualan tanah lot dusun, Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu), agen menjual motosikal dan lain-lain. Koperasi ditadbir oleh sembilan orang Ahli Lembaga Koperasi yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka terdiri daripada ahli-ahli yang berpengalaman dalam selok belok pengurusan koperasi dan dibantu oleh kakitangan seramai 53 orang. Lembaga Koperasi ini membentuk sembilan jawatankuasa yang juga dianggotai oleh ketujuh-tujuh Pengurus Bahagian. Bagi menggerak dan melicinkan semua jentera perniagaan koperasi, pengurusan dibuat melalui mesyuarat bulanan.